



YB. SOON LIP CHEE
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Negeri Pulau Pinang
Belia Dan Sukan

KENYATAAN MEDIA YANG BERHORMAT SOON LIP CHEE, EXCO BELIA DAN SUKAN NEGERI PULAU PINANG PADA 11 SEPTEMBER 2021

KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG MENYAMBUT BAIK PENGUMUMAN KELONGGARAN BAGI SOP SEKTOR SUKAN DAN REKREASI

Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mengumumkan kelonggaran yang diberikan kepada sektor sukan dan rekreasi bagi individu yang telah melengkapkan vaksinasi dan individu yang masih belum melengkapkan atau menerima vaksin lengkap pada 9 September 2021.

Selaras dengan pengumuman tersebut, SOP aktiviti sukan dan rekreasi di negeri Pulau Pinang dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 2 mulai 13 September 2021 adalah seperti berikut:

AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI YANG DIBENARKAN DI NEGERI PULAU PINANG DALAM TEMPOH PPN FASA 2 BAGI PENERIMA VAKSINASI LENGKAP:

1. Aktiviti *dine-in* di restoran atau kafe di premis *club house* adalah dibenarkan.
2. Semua aktiviti sukan dan rekreasi bersentuhan fizikal yang dilakukan di kawasan terbuka (*outdoor*) bermula jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam tertakluk kepada arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuatkuasa.
3. Semua aktiviti sukan dan rekreasi bersentuhan atau tidak bersentuhan fizikal yang dilakukan secara individu atau berkumpulan di kawasan tertutup (*indoor*) kecuali di gimnasium / pusat kecergasan termasuk studio kecergasan tertutup bermula jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam tertakluk kepada arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuatkuasa.

4. Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi terbuka (*outdoor*) dan tertutup (*indoor*) awam adalah tertakluk kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) / Pihak Berkuasa Berkaitan.
5. Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi komersial terbuka (*outdoor*) dengan pematuhan kepada SOP Am Sektor Sukan dan Rekreasi dengan kawalan penyeliaan. Kehadiran pekerja adalah tidak melebihi 60% tenaga kerja merangkumi pengurusan dan operasi. Penggunaan adalah dalam kalangan individu yang telah melengkapkan vaksinasi bagi aktiviti bersentuhan fizikal.
6. Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi komersial tertutup (*indoor*) kecuali gimnasium / pusat kecergasan termasuk studio kecergasan tertutup dengan pematuhan kepada 50% kapasiti penggunaan / kawasan dengan kawalan penyeliaan. Kehadiran pekerja adalah tidak melebihi 60% tenaga kerja merangkumi pengurusan dan operasi. Penggunaan adalah dalam kalangan individu yang telah melengkapkan vaksinasi sahaja.
7. Bagi aktiviti atau latihan sukan dan rekreasi bersentuhan fizikal serta secara berkumpulan, pengusaha semua fasiliti sukan dan rekreasi komersial terbuka (*outdoor*) perlu memastikan pengguna adalah individu yang telah melengkapkan vaksinasi sahaja.
8. Pengusaha semua fasiliti sukan dan rekreasi komersial tertutup (*indoor*) memiliki tanggungjawab untuk memastikan pengguna adalah individu yang telah melengkapkan vaksinasi sahaja.
9. Aktiviti atau latihan sukan dan rekreasi secara berkumpulan terhad bagi individu telah melengkapkan vaksinasi yang dilakukan secara terkawal dengan kawalan penyeliaan adalah tertakluk kepada 50% kapasiti penggunaan / kawasan atau tidak melebihi 80 orang dalam satu-satu masa termasuk jurulatih / instruktur / ibu bapa (mana-mana yang lebih rendah).
10. Rentas daerah dibenarkan dengan mengemukakan Kad / Sijil Digital Vaksinasi Covid19 dan Kad Pengenalan / Pasport sebagai pembuktian.
11. Dibenarkan membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah bagi aktiviti atau latihan yang dibenarkan dengan pematuhan SOP yang ketat dan ditetapkan oleh MKN dan KBS.

**AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI YANG DIBENARKAN DI NEGERI PULAU PINANG
DALAM TEMPOH PPN FASA 2 BAGI INDIVIDU MASIH BELUM MELENGKAPKAN
ATAU MENERIMA VAKSINASI LENGKAP:**

1. Semua aktiviti sukan dan rekreasi tidak bersentuhan fizikal yang dilakukan secara individu dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 hingga 3 meter dan dilakukan di kawasan terbuka (*outdoor*) bermula jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam tertakluk kepada arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuatkuasa.
2. Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi terbuka (*outdoor*) awam adalah tertakluk kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
3. Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi komersial terbuka (*outdoor*) dengan pematuhan kepada SOP Am Sektor Sukan dan Rekreasi dengan kawalan penyeliaan. Kehadiran pekerja adalah tidak melebihi 60% tenaga kerja merangkumi pengurusan dan operasi.
4. Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi tertutup (*indoor*) melibatkan gimnasium / pusat kecergasan termasuk studio kecergasan adalah terhad bagi tujuan pengurusan perlu (kewangan, penyelenggaraan dan seumpamanya) sahaja dengan pematuhan tidak melebihi 30% tenaga kerja termasuk pengurusan dan operasi.
5. Rentas daerah adalah tidak dibenarkan.

**AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI YANG TIDAK DIBENARKAN DI NEGERI PULAU
PINANG DALAM TEMPOH PPN FASA 2 :**

1. Semua aktiviti sukan dan rekreasi yang dilakukan di gimnasium / pusat kecergasan termasuk studio kecergasan tertutup (*indoor*).
2. Aktiviti sukan dan rekreasi yang dilakukan melebihi kapasiti yang ditetapkan.
3. Aktiviti sukan dan rekreasi yang dijalankan di luar atau merentas kawasan arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuatkuasa kecuali mendapat kebenaran PDRM.
4. Penganjuran semua kejohanan atau pertandingan kecuali anjuran Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Liga Bola Sepak Malaysia (*Malaysian Football League*), Kejohanan Petronas Cub Prix dan mana-mana dengan kebenaran khas KBS sahaja.

5. Kehadiran penonton atau penyokong ke *venue* sukan dan rekreasi.
6. Penyertaan atlet / jurulatih / pegawai / teknikal Malaysia ke kejohanan atau pertandingan atau perlawanan di luar negara tanpa kelulusan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan sokongan KBS / MSN.

Untuk makluman, Kerajaan Negeri juga memutuskan bahawa orang awam adalah dibenarkan untuk menjalankan aktiviti sukan di taman-taman awam dan rekreasi di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dan Jabatan Taman Botani Pulau Pinang seperti Taman Bandaraya (*Youth Park*), Taman Metropolitan, Taman Jajar, Taman Botani, Taman Rekreasi Bukit Dumbar, Empangan Mengkuang, Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang.

Namun, individu-individu yang ingin menjalankan aktiviti atau latihan sukan dan rekreasi bersentuhan fizikal serta secara berkumpulan di kawasan terbuka (*outdoor*) termasuk taman-taman awam dan rekreasi dan taman kejiranan, adalah **terhad** kepada individu yang telah melengkapkan vaksinasi sahaja. Dengan itu, instruktur / jurulatih memiliki tanggungjawab untuk memastikan setiap individu adalah penerima vaksinasi lengkap dan adalah dijalankan dengan pematuhan kepada 50% kapasiti penggunaan / kawasan atau tidak melebihi 80 orang dalam satu-satu masa termasuk jurulatih / instruktur (mana-mana yang lebih rendah).

Untuk status pembukaan, masa pengoperasian dan kaedah tempahan stadium serta kompleks sukan dan rekreasi di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) adalah seperti berikut:

- **Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan** – tutup buat sementara ini memandangkan kerja-kerja penaiktarafan sedang dijalankan
- **Kompleks Sukan dan Rekreasi MBSP Jalan Betek, Bukit Mertajam** – tutup buat sementara ini memandangkan kompleks sukan telah dijadikan sebagai Pusat Persampelan dan Pemasangan Gelang Daerah

• **Kompleks Sukan dan Rekreasi MBSP Bertam, Kepala Batas –**

Gelanggang Sukan Yang Dibuka	Masa Pengoperasian	Kaedah Tempahan
Gelanggang Badminton	<ul style="list-style-type: none"> • 9 pagi – 3 petang • 5 petang – 7 malam • 8 malam – 10 malam 	<ul style="list-style-type: none"> • onlinekemasyarakatan@mbps.gov.my • 04 – 549 7488; • 04 – 575 8871
Padang Hoki		
Padang Lawn Bowls		
Gelanggang Tennis	<ul style="list-style-type: none"> • 9 pagi – 3 petang • 5 petang – 7 malam 	
Padang Bola Sepak		
<i>Jogging Track</i>	7 pagi – 7 malam	<i>Walk-in</i>

• **Kompleks Sukan dan Rekreasi Sony Seberang Jaya –**

Gelanggang Sukan Yang Dibuka	Masa Pengoperasian	Kaedah Tempahan
Padang Bola Sepak	7 pagi – 9 malam	04 – 589 9209; 017 – 422 2898

• **Kompleks Sukan Bandaraya Relau –**

Gelanggang Sukan Yang Dibuka	Masa Pengoperasian	Kaedah Tempahan
Gelanggang Badminton	9 pagi – 10 malam	www.relausportscomplex.com
Kolam Renang	7 pagi – 10 pagi; 4 petang – 9 malam	016 – 465 9190; 012 – 510 5997

Walaupun bagaimanapun, protokol kesihatan umum seperti memakai pelitup muka sebelum dan selepas menjalankan aktiviti sukan dan rekreasi, *check in* aplikasi MySejahtera dan mengimbas suhu adalah **diwajibkan**.

Meskipun kelonggaran telah diberikan terhadap aktiviti sukan dan rekreasi, namun orang awam diingatkan untuk sentiasa mematuhi penjarakan sosial dan SOP Sektor Sukan dan Rekreasi yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bagi memastikan kebersihan dan keselamatan diri sendiri sentiasa terjamin.

Lengkap Vaksinasi : Individu yang telah lengkap divaksin adalah individu yang telah memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- i. Bagi jenis vaksin yang memerlukan dua dos suntikan (seperti Cormirnaty (Pfizer-BioNTech), COVID-19 AstraZeneca (Oxford-AstraZeneca), CoronaVac (Sinovac), Spikevax (Moderna) dan Covilo (Sinopharm), individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua; atau
- ii. Bagi jenis vaksin yang memerlukan satu dos suntikan (seperti COVID-19 Janssen (Johnson & Johnson) dan Convidecia (CanSino)), individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-28 dari tarikh suntikan.

PENANG LAWAN COVID-19!

SOON LIP CHEE

EXCO BELIA DAN SUKAN NEGERI PULAU PINANG